



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

1

**KEBERKESANAN PELAKSANAAN LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN
TERHADAP GURU-GURU SEKOLAH TAMIL
DI NEGERI PERAK**

MONICA A/P HENRY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

3

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) terhadap guru-guru sekolah Tamil (SJKT) di negeri Perak. Keberkesanan LADAP dalam kalangan guru-guru sekolah Tamil telah dikaji dari segi faktor-faktor perkembangan pendidikan kini, motivasi guru, pengurusan fasiliti dan kualiti penceramah. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dalam menentukan keberkesanan LADAP. Borang soal selidik digunakan untuk mengumpul data. Seramai 150 orang guru dari beberapa buah sekolah Tamil daerah Kuala Kangsar, Kinta, Hilir Perak, Larut Matang dan Selama telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi kajian. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferensi. Dapatkan kajian menunjukkan tahap keberkesanan LADAP berada pada tahap sederhana. Dapatkan kajian juga mendapati tidak wujud perbezaan signifikan keberkesanan LADAP berdasarkan umur, jantina dan pengalaman bekerja. Implikasi kajian mendapati bahawa tahap keberkesanan LADAP perlu ditingkatkan bagi memantapkan profesionalisme guru. Para guru perlu sentiasa bersedia dan mengambil bahagian dalam LADAP bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



EFFECTIVENESS OF IN-SERVICE TRAINING AMONGST TAMIL NATIONAL TYPE PRIMARY SCHOOL TEACHERS IN PERAK

ABSTRACT

The purpose of this research was to examine the effectiveness of In-Service Training amongst Tamil school teachers in Perak. Effectiveness of In-Service Training was studied based on current educational development, motivation of teacher, management of facilities, and the quality of trainers. Quantitative method was employed to examine the effectiveness of In-Service Training. Questionnaire was used as a data collection tool. There were 150 teachers from the Tamil schools of district Kuala Kangsar, Kinta, Hilir Perak, and Larut Matang Selama chosen randomly for the survey. Data was analyzed using descriptive and inferential statistic. The findings showed that effectiveness of In-Service Training was at moderate level. The study also found no significant difference in effectiveness of In-Service Training based on age, gender and working experience. The study suggested that the effectiveness of In-Service Training needs to be improved to enhance the professionalism of teachers. Teachers should always prepare for and involve in professional development programmes so as to enhance the effectiveness of their teaching and learning.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI SINGKATAN	ix



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Penyataan Masalah	4
1.3	Kerangka kajian	
1.3.1	Kerangka Teori Kajian	10
1.3.2	Kerangka Konsep Kajian	11
1.4	Tujuan Kajian	12
1.5	Objektif kajian	12
1.6	Soalan Kajian	13
1.7	Hipotesis Kajian	14
1.8	Kepentingan Kajian	14
1.9	Batasan Kajian	14
1.10	Definisi operasional	
1.10.1	Perkembangan pendidikan kini	16
1.10.2	Motivasi guru	16





1.10.3 Pengurusan fasiliti	17
1.10.4 Kualiti penceramah	17
1.11 Rumusan	18

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	19
2.2 Latihan Dalam Perkhidmatan	20
2.3 Dasar dan objektif latihan	21
2.4 Strategi pelaksanaan	21
2.5 Jenis-jenis Kursus	22
2.6 Struktur Latihan	23
2.7 Bentuk Latihan	25
2.8 Pelbagai perspektif Latihan dalam Perkhidmatan	29
2.9 Model Latihan dan Kursus dalam perkhidmatan yang berkesan	
2.9.1 Model program latihan-Program perkembangan profesional	39
2.9.2 Model pembangunan profesional readiness, planning, training, implementation dan maintenance (RPIM)	42
2.9.3 Model Arahan-kendiri	43
2.9.4 Model Pemerhatian-penilaian	45
2.10 Perkembangan pendidikan kini	46
2.11 Motivasi guru	54
2.12 Pengurusan fasiliti	59
2.12.1 Tujuan pengurusan fasiliti	62
2.12.2 Proses dalam pengurusan fasiliti	63
2.13 Kualiti penceramah	66
2.14 Faktor Keberkesanan Latihan Dalam Perkhidmatan	71
2.15 Kajian-Kajian Lepas	
2.15.1 Kajian dalam negara	74
2.15.2 Kajian luar negara	78
2.16 Rumusan	81





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	82
3.2	Rekabentuk Kajian	83
3.3	Populasi Dan persampelan Kajian	84
3.4	Instrumen Kajian	85
	3.4.1 Bahagian A: Maklumat demografi diri responden	86
	3.4.2 Bahagian B: Soal selidik Latihan dalam perkhidmatan	86
3.5	Kajian Rintis	87
	3.5.1 Ujian Kebolehpercayaan (Reliability)	87
	3.5.2 Kesahan muka	89
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	89
3.7	Penganalisaan Data	90
	3.7.1 Penganalisaan min	91
	3.7.2 Penganalisaan ujian t sampel bebas	91
	3.7.3 Penganalisaan ujian ANOVA sehala	91



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	93
4.2	Bahagian A-Maklumat Peribadi responden	93
	4.2.1 Analisis frekuensi dan peratusan bagi jantina	94
	4.2.2 Analisis frekuensi dan peratusan bagi umur	94
	4.2.3 Analisis frekuensi dan peratusan bagi status perkahwinan	95
	4.2.4 Analisis frekuensi dan peratusan bagi pengalaman bekerja	95
4.3	Maklumbalas responden	96
	4.3.1 Analisis deskriptif min	96
	4.3.2 Analisis frekuensi dan peratusan dan min bagi perkembangan Pendidikan kini	97
	4.3.3 Analisis frekuensi dan peratusan dan min bagi motivasi guru	99
	4.3.4 Analisis frekuensi dan peratusan dan min bagi pengurusan fasiliti	101





4.3.4	Analisis frekuensi dan peratusan dan min bagi kualiti penceramah LADAP	103
4.3.5	Analisis deskriptif min	105
4.3.6	Ujian-T perbezaan keberkesanan LADAP berdasarkan jantina	106
4.3.7	ANOVA keberkesanan LADAP dan umur	107
4.3.8	ANOVA keberkesanan LADAP dan pengalaman bekerja	107
4.4	Kesimpulan Dapatan	108

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	109
5.2	Apakah tahap keberkesanan LADAP	110
5.3	Apakah tahap faktor perkembangan pendidikan kini dalam keberkesanan LADAP	112
5.4	Apakah tahap faktor motivasi guru dalam keberkesanan LADAP	114
5.5	Apakah tahap faktor pengurusan fasiliti dalam keberkesanan LADAP	116
5.6	Apakah tahap faktor kualiti penceramah dalam keberkesanan LADAP	118
5.7	Apakah faktor-faktor yang dominan dalam mempengaruhi keberkesanan LADAP	119
5.8	Adakah wujud perbezaan keberkesanan LADAP berdasarkan jantina, umur dan pengalaman bekerja	121
5.9	Implikasi kajian	125
5.10	Cadangan	128
5.11	Kajian Masa Depan	130
5.12	Kekangan Kajian	131
5.6	Kesimpulan	132
	RUJUKAN	133





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

9

LAMPIRAN

143



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No.Jadual	Muka Surat
3.1 Populasi dan Sampel kajian	84
3.2 Pembahagian item-item bahagian B	86
3.3 Skala jawapan untuk soal selidik	87
3.4 Keputusan ujian kebolehpercayaan Item Soalan Kajian Rintis	88
3.5 Analisis statistik deskriptif dan inferens bagi persoalan kajian	90
3.6 Takrifan julat min	91
4.2.1 Analisis frekuansi dan peratusan bagi jantina	94
4.2.2 Analisis frekuansi dan peratusan bagi umur	94
4.2.3 Analisis frekuansi dan peratusan bagi status perkahwinan	95
4.2.4 Analisis frekuansi dan peratusan bagi pengalaman bekerja	95
4.3.1 Analisis deskriptif min	96
4.3.2 Analisis frekuansi dan peratusan dan min bagi perkembangan Pendidikan kini	97
4.3.3 Analisis frekuansi dan peratusan dan min bagi motivasi guru	99
4.3.4 Analisis frekuansi dan peratusan dan min bagi pengurusan fasiliti	101
4.3.5 Analisis frekuansi dan peratusan dan min bagi kualiti penceramah LADAP	103
4.3.6 Analisis deskriptif min	105
4.3.7 Ujian-T perbezaan keberkesanahan LADAP berdasarkan jantina	106
4.3.8 ANOVA keberkesanahan LADAP dan umur	107
4.3.9 ANOVA keberkesanahan LADAP dan pengalaman bekerja	107





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

11

SENARAI RAJAH

No.Rajah	Muka Surat
2.1 Struktur latihan	25
2.2 Pusingan dalam satu model Program Latihan	39
2.3 keperluan pembangunan staf	41
2.4 Definisi Pengurusan Fasiliti	62
2.5 Proses Pengurusan Fasiliti	64



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BIFM	British Institute of Facilities Management
EPSA	E-Pembelajaran Sektor Awam
IFMA	International Facility Management Association
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JU	Jurulatih utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPKM	Kursus Pendek Kelolaan Maktab
KSSR	Kurikulum Standart Sekolah Rendah
LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LINUS	Literasi dan Numerasi
MBMMBI	Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuuh Bahasa Inggeris
NUTP	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia
NGO	Organisasi Bukan Kerajaan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
RPIM	Readiness,Planning,Training Implementation and Maintenance
SMAN	Sekolah Menengah Atas Pekan Baru
SPSS	Statistical Package for the Social Sciences





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

13

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Sistem pendidikan, melalui sistem persekolahan, merupakan elemen yang penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik, dan sosial. Sistem persekolahan bukan sahaja berperanan untuk memberi pelajaran kepada masyarakat semata-mata, bahkan ia merupakan saluran untuk menyampaikan kepada rakyat berkenaan dengan wadah perjuangan negara yang sangat mementingkan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum demi mencapai perpaduan. Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



agama, dan adat resam di mana ia dikenali sebagai masyarakat majmuk. Pelaksanaan sistem pendidikan yang dijalankan perlu mengikut keperluan dan kesesuaian masyarakat Malaysia (Mior Khairul Azrin, 2011).

Sistem persekolahan yang terbaik adalah sistem persekolahan yang meliputi keseluruhan kehidupan masyarakat Malaysia, dimana ia tidak hanya terhenti apabila seseorang individu tamat persekolahan atau tamat pengajian di institusi-institusi pengajian tinggi, ia menjadi kesinambungan dalam kehidupan hingga ke hari tua dengan memberi sumbangan bagi memartabatkan bangsa dan negara.

Pendidikan, mengikut Plato, ialah suatu proses membentuk individu yang berakhhlak mulia. Menurut Jean Jacues Rousseau pula, pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula dari masa kanak-kanak lagi. Dalam proses ini, segala kebolehan semulajadi lahir dengan sendirinya mengikut kehendak dan peraturan semulajadi (Mok Soon Sang, 2000). Masyarakat dan pendidikan adalah bergerak seiring kerana pendidikan adalah acuan membentuk insan. Menurut Akhmal,Hussin,Ismail,Rohana dan Muhammad Sukri (2011) pendidikan merupakan salah satu agenda utama dalam perancangan pembangunan negara. Rakyat dalam sesebuah negara memerlukan pendidikan yang mencukupi dan bersesuaian agar dapat mewujudkan kesejahteraan hidup yang berpanjangan dan berkekalan. Hasil kepada proses pendidikan yang berpanjangan, maka akan wujud sebuah ketamadunan yang dapat berdiri megah dengan berpaksikan pendidikan bersifat universal.





Pendidikan negara telah mencapai kemajuan yang pesat semenjak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Ini terbukti dengan pelbagai perancangan dan usaha yang mapan untuk mengangkat martabat pendidikan negara seperti pelaksanaan sekolah bestari dan penambahan institut pengajian tinggi awam dan swasta. Di sebalik kejayaan yang dikecapi dalam bidang pendidikan, kita harus sedar bahawa guru adalah insan yang paling berperanan penting bagi memastikan dasar dan agenda kerajaan terlaksana dengan jayanya. Guru yang berketerampilan adalah modal insan yang sangat diperlukan untuk melahirkan murid-murid yang cemerlang. Ini adalah kerana dalam konteks dunia global, modal insan bermutu tinggi adalah satu keperluan (Abdullah Sani Yahya, 2007). Justeru peranan guru sebagai perancang dan pelaksana harus sentiasa bersedia dan berusaha untuk melengkapkan diri dari segala sudut bagi merealisasikan strategi yang telah dirancang.



Jemaah Nazir Sekolah sentiasa memberi perhatian terhadap perkembangan staf apabila mereka membuat pemeriksaan di sekolah. Ia merupakan aktiviti penting bagi meningkatkan mutu pendidikan. Usaha meningkatkan pengetahuan dan menyampaikan maklumat baru bukan sahaja diperlukan oleh guru yang baru mula bertugas malah penting juga kepada guru-guru yang telah lama mengajar. Ini disebabkan banyak perkembangan terkini dalam dunia pendidikan seperti penggunaan komputer dan bahan bantu mengajar elektronik, perubahan dalam peperiksaan dan lain-lain lagi yang memerlukan kefahaman untuk dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran mereka (Lokman & Kalsom, 2011).





Keperluan guru mendapat maklumat terkini dianggap penting kerana mereka adalah merupakan sumber utama dalam menyampaikan ilmu dan melaksanakan dasar-dasar serta peraturan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Perkembangan staf juga mestilah dijadikan sebagai budaya sekolah serta perlu dilaksanakan secara berkala sepanjang tahun. Menurut Joyce, Calhoun dan Hopkins (1999), program pembangunan staf perlu direka dengan teliti seiring dengan pendidikan untuk mencapai implikasi yang berkesan terhadap kemenjadian pelajar.

Hasrat negara akan dapat dicapai dengan adanya komitmen daripada pihak Kementerian Pendidikan. Mesejnya ini jelas kerana latihan dalam perkhidmatan dan pendidikan berterusan adalah penting terutamanya bagi golongan pendidik. Malah pihak jemaah nazir juga adalah berperanan memastikan sekolah mempunyai perancangan dalam perkembangan staf untuk meningkatkan profesionalisme dan menyampaikan maklumat terkini kepada guru-guru. Semasa membuat pemeriksaan di sekolah, nazir akan memberi input kepada guru melalui kumpulan-kumpulan kecil. Dalam sesi ini mereka bebas mengeluarkan pendapat dan cadangan serta bertukar-tukar fikiran untuk meningkatkan kualiti pengajaran. Galakan akan diberikan supaya aktiviti perkembangan staf itu diadakan secara berkala sepanjang tahun. Penyumbang perkembangan staf ini mungkin terdiri daripada guru-guru senior atau mereka yang baru menghadiri kursus atau pihak-pihak luar yang mempunyai kemahiran tertentu.

1.2 Penyataan Masalah





Sistem pendidikan Negara adalah tulang belakang kepada pembangunan sesebuah Negara. Tampanya Negara pasti sukar untuk melahirkan generasi berwibawa dan paling penting modal insan berkualiti sebagai tuntutan memenuhi keperluan Negara di samping menggalakkan perkembangan kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik pada masa kini serta masa depan. Seiring dengan usaha itu, jutaan ringgit dilaburkan oleh kerajaan untuk memastikan sistem pendidikan Negara dapat mencapai tahap yang dikehendaki bersesuaian dengan keperluan semasa dan peredaran zaman. Sistem pendidikan negara tidak akan berjaya tanpa golongan pengajar yang berkualiti dan berkemahiran tinggi. Di samping itu perubahan dan inovasi dalam bidang pendidikan juga sentiasa menuntut para pendidik secara berterusan “membaharui” diri supaya mereka tetap efektif dan memberi



Implikasinya, pembangunan profesional atau pembangunan staf menjadi komponen kritikal dalam membentuk guru-guru yang berkelayakan tinggi dan beriltizam. Oleh sebab itulah pembangunan profesional guru telah diakui sebagai komponen teras sebarang perubahan dalam pendidikan khususnya usaha-usaha meningkatkan prestasi sekolah (Amin Senin, 2008). Sehubungan dengan itu, para guru sering diminta untuk meningkatkan kemahiran supaya profesion perguruan disanjung. Namun begitu terdapat pelbagai isu dalam pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP).

Menurut Bernama isu pemantapan profesion perguruan menjadi topik utama pada sesi dialog Hari Terbuka Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-





2025 di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (Bernama, 2012). Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Abdul Ghafar Mahmud berkata tahap kompetensi guru, pengurusan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah, beban tugas guru, kewibawaan guru besar dan pengetua menjadi antara isu yang mendapat sambutan hangat peserta dialog berkenaan."Isu ini adalah antara agenda utama yang terkandung dalam pelan kita. Kesemua perbincangan hari ini akan diteliti sedalam-dalamnya bagi merangka sistem baru untuk mentransformasi sistem sedia ada," katanya kepada pemberita. Ini menunjukkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan guru supaya dapat melahirkan modal insan yang mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan. Oleh itu, guru-guru disarankan untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan untuk menambahkan ilmu pengetahuan dan mendalami sesuatu ilmu atau



kemahiran dan seterusnya dapat memastikan profesion penguruan

(<http://www.moe.gov.my/bpk/v2/>).

Selain itu, kecairan maklumat akibat kaedah latihan teragih yang bermula daripada kementerian, jabatan pelajaran negeri, pejabat pelajaran daerah, sekolah, jawatankuasa kurikulum dan panitia mata pelajaran mengakibatkan proses pendedahan kepada guru pelaksana PBS menjadi suntuk. Jurulatih utama (JU) berkursus selama seminggu, tetapi apabila sampai kepada panitia, taklimat hanya mengambil masa dua jam. Guru juga berhadapan dengan peruntukan aktiviti bilik darjah untuk menyelesaikan segala keperluan kurikulum dan kemahiran insaniah yang lain (Akma Lina, 2012). Isu ini menjelaskan kekangan pelaksanaan LADAP yang berkualiti kepada guru. Pada era pemodenan ini, masa menjadi salah satu kekangan utama dalam semua bidang





terutamanya dalam bidang pendidikan. Kursus atau latihan yang dianjurkan kepada para guru adalah sangat bermanfaat. Akan tetapi pelaksanaannya yang tidak efisen menyebabkan para guru tidak berpuas hati. Peruntukan masa latihan kepada para jurulatih utama matapelajaran (JU) adalah selama dua minggu. Apabila kursus ini dilaksanakan kepada guru hanya tiga hari dan taklimat kepada para guru yang tidak mengikuti kursus hanya satu hingga dua jam. Keadaan ini menyebabkan kandungan kursus tidak sampai sepenuhnya kepada guru. Apabila guru-guru tidak memahaminya maka rasa tidak berpuas hati terhadap pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan akan timbul.

Menurut Roslan Ahahary (2009) pada awalnya, tiada sebarang aduan atau rungutan guru yang diterima, tetapi sejak tahun 2007 dan 2008, para guru sudah mula



meluahkan perasaan tidak puas hati mereka terhadap dasar latihan sumber manusia kerana terdapat pelbagai tafsiran di peringkat pelaksanaanya. Antaranya semua guru diwajibkan menghadiri kursus Latihan Dalam Perkhidmatan anjuran sekolah walaupun guru berkenaan telah menghadiri lebih daripada 7 hari kursus/bengkel/mesyuarat atas arahan KPM/JPN. Tambahan pula, guru diminta mengisi buku log yang disediakan pihak sekolah. Ada juga sekolah-sekolah yang meminta para guru membayar untuk menghadiri kursus-kursus LADAP. Selain itu, terdapat rungutan mengenai pentadbir sekolah yang proaktif dan kreatif yang cuba menggunakan buku log LADAP untuk Penilaian Markah Prestasi. Ini tidak dibenarkan sama sekali kerana tiada arahan dari pihak kerajaan. Akibat daripada masalah-masalah yang timbul, pihak NUTP telah mengemukakan pandangan guru kepada Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia. NUTP juga mahu kelonggaran syarat diberikan kepada kumpulan guru yang proaktif, di mana





guru-guru yang telah menghadiri kursus/seminar/bengkel melebihi 7 hari dikecualikan dari menghadiri kursus di peringkat sekolah, khasnya pada hari Sabtu.

Menurut Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP, 2008) mempertikaikan tindakan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang mewajibkan latihan dalam perkhidmatan kepada guru pada setiap Sabtu. Setiausaha Agungnya, Lok Yim Pheng, berkata Kementerian Pendidikan seharusnya menyediakan garis panduan standard dan lebih khusus supaya tiada tekanan diberikan ke atas guru supaya menghadiri latihan berkenaan. NUTP tidak pernah menentang latihan dalam perkhidmatan kerana mereka mengakui ia adalah antara langkah terbaik mempertingkatkan kedudukan guru. Apa yang dikesalkan adalah bukan saja latihan itu diadakan pada setiap Sabtu, malah guru pula diminta untuk membuat buku log sebagai bukti pembabitan mereka dalam kursus itu. Tindakan ini tidak wajar, ia juga menambah tekanan dan seolah-olah guru tidak boleh dipercayai.

Beliau berkata, Latihan Dalam Perkhidmatan harus dipermudahkan bagi menjimatkan kos daripada membiarkan guru menumpukan pada kuantiti iaitu mencapai sasaran 42 jam bagi mendapatkan peluang kenaikan pangkat.“Ini kerana NUTP menerima banyak aduan ahli yang mengadu kursus atau seminar yang dianjurkan badan bukan kerajaan (NGO) tidak diterima sebagai latihan dalam perkhidmatan. Guru juga sepatutnya diberi peluang untuk memfokuskan diri terhadap pengajaran dan pembelajaran pelajar dan bukannya dibebani dengan masalah yang merumitkan tugas mereka (NUTP, 2008).





Kedua-dua isu ini membincangkan waktu pelaksanaan LADAP. Para guru membuat rungutan kepada NUTP bahawa hari sabtu merupakan hari pelaksanaan LADAP yang diwajibkan guru menghadirinya. Tambahan pula, penglibatan guru dalam LADAP sering dikaitkan dengan prestasi guru oleh pihak pentadbiran sekolah menyebabkan guru tertekan. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap pelaksanaan LADAP dalam kalangan para guru.

Isu seterusnya adalah Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) mencadangkan Kementerian Pendidikan mengurangkan Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) sebanyak 50 peratus berikutan perbelanjaan yang terpaksa ditanggung sendiri

guru apabila menghadiri kursus kerana tiada peruntukan disediakan untuk perbelanjaan makanan dan kos pengangkutan. Pada masa kini, guru diwajibkan menghadiri kursus LADAP selama 42 jam atau tujuh hari setahun. Jika kementerian melaksanakan cadangan terbabit bermakna guru hanya wajib hadiri kursus 21 jam sahaja dan ini dapat membantu mengurangkan kos yang terpaksa ditanggung guru pada masa ini. Presidennya, Hashim Adnan, berkata kementerian sebelum ini melaksanakan dasar penjimatan sehingga terpaksa menyatu perbelanjaan termasuk kursus latihan untuk guru. Beliau mengatakan bahawa Kementerian sepatutnya mengambil kira semua faktor termasuk kebajikan guru sebelum melaksanakan langkah terbabit. Beliau sebagai wakil NUTP melahirkan rasa kecewa atas perkembangan ini. Selepas kementerian mengumumkan langkah penjimatan terbabit semua pengetua dan guru besar diberi taklimat untuk mengambil langkah penjimatan segera untuk mengurangkan perbelanjaan. Pihak guru dikerah menghadiri





pelbagai kursus tetapi pada masa sama terpaksa mengeluarkan duit poket sendiri untuk menanggung perbelanjaan sepanjang kursus (Hashim Adnan, 2010). Selain masa, perbelanjaan menghadiri Latihan Dalam Perkhidmatan juga turut menjadi buah fikiran para guru. Secara amnya, para guru sentiasa menggunakan wang sendiri untuk penggunaan pengajaran dan pembelajaran seperti fotostat, bahan-bahan alat bantu mengajar dan pembelian buku rujukan tambahan. Ini pula ditambahkan dengan perbelanjaan menghadiri LADAP. Keadaan ini menyebabkan para guru kehilangan motivasi untuk terus berkhidmat dengan penuh semangat.

Keadaan ini menyebabkan pengkaji berminat membuat kajian mengenai LADAP dan persepsi guru-guru sekolah tamil terhadap pelaksanaannya. Pengkaji juga ingin



1.3 Kerangka Kajian

1.3.1 Kerangka Teori Kajian

Pembelahan bebas	Penyokong
1. Perkembangan pendidikan kini	<ul style="list-style-type: none">• Lokman (2011)• Shanthi (1998)• Garmston (2007)• Amin Senin (2008)
2. Motivasi guru	<ul style="list-style-type: none">• Athory Hussain (2002)• Reeve (2000)






- Deci & Ryan (2000)
 - Mohd Azhar (2004)
 - 3. Pengurusan fasiliti
 - Hamilton & Norizan Ahmad (2001)
 - Zuhairi Abd.Hamid (2004)
 - Hamer (1988)
 - Hakim (2006)
 - 4. Kualiti penceramah
 - Rusinah Siron (2010)
 - Supyan dan Azhar(2006)
-



05-





1.3.2 Kerangka Konsep Kajian

Bagi kerangka kajian ini, pembolehubah tidak bersandar merujuk kepada pelaksanaan latihan dalam perkhidmatan. Pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan yang dikaji ialah perkembangan pendidikan kini, motivasi guru, pengurusan fasiliti dan kualiti penceramah. Bentuk kerangka teori ini boleh dilihat pada rajah di bawah:

Kerangka Konsep Kajian

Pembolehubah Bebas

Pembolehubah Bersandar



1. Perkembangan Pendidikan Kini
2. Motivasi Guru
3. Pengurusan Fasiliti
4. Kualiti Penceramah

Keberkesanan LADAP





1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan pelaksanaan LADAP terhadap guru-guru sekolah tamil.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pelaksanaan LADAP dan persepsi guru-guru sekolah tamil terhadapnya. Objektif-objektif khusus dicipta untuk menjawab persoalan-persoalan kajian:



- ii. Menilai tahap faktor peningkatan pengetahuan perkembangan pendidikan kini dalam keberkesanan LADAP.
- iii. Menilai tahap faktor motivasi guru dalam keberkesanan LADAP.
- iv. Menilai tahap pengurusan fasiliti dalam keberkesanan LADAP
- v. Menilai tahap kualiti penceramah dalam keberkesanan LADAP.
- vi. Menilai apakah faktor-faktor yang dominan dalam mempengaruhi keberkesanan LADAP.
- vii Menilai perbezaan keberkesanan LADAP berdasarkan faktor-faktor demografi (jantina, umur dan pengalaman bekerja).

